

D280

U B712 AAB

MAHATHIR

KUALA TERENGGANU, 14 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGAJAK RAKYAT MENGUBAH CARA MEREKA MENGHADAPI MASALAH MATA PENCARIAN DENGAN MENUNJUKKAN KESANGGUPAN UNTUK MEMAJUKAN SESUATU PERUSAHAAN SECARA TETAP SERTA BERTERTIB DAN TIDAK SECARA SAMBILAN SAHAJA.

BELIAU MENARIK PERHATIAN RAKYAT DI TERENGGANU MISALNYA BAHAWA MEREKA BELUM MENEROKAI DAN MENGAMBIL KESEMPATAN SEPENUHNYA DARIPADA PELUANG YANG TERBIT DARIPADA PERUSAHAAN BERASASKAN MINYAK.

PERDANA MENTERI MAHUKAN RAKYAT TERENGGANU JUGA MEMIKIRKAN KEMUNGKINAN MEMAJUKAN PERUSAHAAN SONGKET DAN BARANGAN TEMBAGA SECARA MENGGUNAKAN TEKNOLOGI MODEN DENGAN MODAL YANG BERPATUTAN DAN TIDAK SECARA SAMBILAN.

BELIAU BERUCAP DEMIKIAN KEPADA LEBIH 10,000 ORANG KETIKA MERASMIKAN EXPO 10 TAHUN PEMBANGUNAN NEGERI TERENGGANU DI PADANG HILIRAN DI SINI PETANG INI.

DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH, MENTERI BESAR DATUK SERI AMAR DIRAJA WAN MOKHTAR AHMAD, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK DR. YUSUF NOR DAN TIMBALAN MENTERI BURUH DATUK HAJI ZAKARIA ABDUL RAHMAN HADIR SAMA. -- LAGI.  
1858MST 14 08 85

MAHATHIR 2 KUALA TERENGGANU

PERDANA MENTERI MENEGUR SIKAP SEGELINTIR RAKYAT YANG CUMA +MENARUH TANGAN DALAM SAKU+ TETAPI IRIHATI APABILA ORANG LAIN BEROLEH KEKAYAAN SECARA MENGAMBIL KESEMPATAN DARIPADA PUNCA REZEKI YANG MEREKA JUGA NAMPAK TETAPI TIDAK MAHU MENCUNGKIL NIKMATNYA.

+SEBAGAI CONTOHNYA SAYA SEDIH MELIHATKAN PERUSAHAAN MEMBUAT SATAY IAITU PERUSAHAAN ASAL KITA TETAPI APABILA DAPAT KEPADA TANGAN ORANG LAIN, IA PULA MENJADI PUNCA KEKAYAAN MEREKA,+ KATANYA.

DENGAN MENGGUNAKAN MISALAN ITU, PERDANA MENTERI BERTANYA KEPADA 10,000 ORANG HADIRIN SAMA ADA RAKYAT TERENGGANU TELAH PUN MENGAMBIL KESEMPATAN SEPENUHNYA DARIPADA SUMBER PETROLEUM YANG DITEMUI 272 KM DARI PANTAI NEGERI ITU?

MENURUT BELIAU, LEBIH \$5 BILLION TELAH DILABURKAN OLEH BERBAGAI-BAGAI SYARIKAT TERMASUK PETRONAS UNTUK MEMAJUKAN INDUSTRI PETROLEUM DAN PERUSAHAAN BERKAITAN DI TERENGGANU.

BELIAU MENYANGKAL DAKWAAN OLEH SEGELINTIR ORANG KONONNYA KONTRAKTOR ASING SAHAJA BEROLEH MANFAAT DARIPADA INDUSTRI ITU.

SEBALIKNYA BELIAU BERKATA RAKYAT TERMASUK KONTRAKTOR TEMPATAN JUGA TURUT MENDAPAT NIKMAT SEPERTI TERBUKTI DENGAN TUMBUHNYA BERBAGAI-BAGAI JENIS KEDAI DAN PERNIAGAAN EKORAN PEMBANGUNAN PESAT NEGERI INI SEDEKAD YANG LALU.

-- LAGI.

1925MST 14 08 85

MAHATHIR 3 KUALA TERENGGANU

PERDANA MENTERI BERKATA MASIH BANYAK PELUANG UNTUK DITEROKAI OLEH RAKYAT TERENGGANU HASIL KESEMPATAN-KESEMPATAN EKONOMI YANG TERBIT DARIPADA PERUSAHAAN MINYAK DI NEGERI INI.

NIKMAT PERUSAHAAN ITU CUMA DAPAT DIKECAPI SEKIRANYA ADA PERUBAHAN SIKAP DARIPADA SEGI ETIKA KERJA, MELETAKKAN KEPENTINGAN KEPADA KETINGGIAN MUTU, KECEKAPAN DAN PENGUSAHAAN SELOK-BELOK PERUSAHAAN ITU SENDIRI, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA BAGI KERAJAAN, SEBUAH INSTITUT LATIHAN PETROLEUM SUDAH PUN DITUBUHKAN DAN PRASARANA YANG LAIN SANGGUP

D308

U B722 AAB

MAHATHIR 4 KUALA TERENGGANU

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP MASYARAKAT YANG MENGUNJUNGI EXPO ITU TIDAK HANYA MENYIFATKANNYA UNTUK HIBURAN TETAPI MENGGUNAKANNYA SEBAGAI KESEMPATAN MENUNJUKKAN KEINSAFAN DAN RASA BERSYUKUR TERHADAP KEMAJUAN DIKECAPI SEJAK PENEMUAN MINYAK DI NEGERI INI 10 TAHUN LALU.

MALAM INI, PERDANA MENTERI DAN ISTERI YANG MELAWAT TERENGGANU TIGA HARI MENGADAP SULTAN TERENGGANU DI ISTANA BADARIAH DI SINI DISUSULI DENGAN MAJLIS SANTAPAN BERSAMA BAGINDA.

ESOK PERDANA MENTERI AKAN MERASMIKAN LAPANGAN TERBANG BARU DI KERTEH, 128 KILOMETER DARI SINI, KEMUDIAN MELAWAT DERMAGA TIMUR DAN KILANG PERWAJA DEKAT KEMAMAN SEBELUM BERLEPAS KE BESUT UNTUK PERJUMPAAN DENGAN PENDUDUK DI SITU. -- BERNAMA.

1953MST 14 08 85